

Lantikan mesti ikut peraturan JPA

BN 1 OCT 1991

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan semua perantikan pegawai kerajaan adalah ditentukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan tidak ada sebab mengapa prosedur itu harus dibelakangkan.

Mengulas mengenai isu jawatan Ketua Pengarah Mara beliau berkata setiap perantikan yang dibuat oleh JPA tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

"Jika keadaan itu berlaku, hanya JPA yang berkuasa mengatasinya tanpa campur tangan politik. Perkara ini perlu diatasi dan difahami agar tidak berlarutan atau berulang lagi," katanya kepada pemberita Radio Malaysia selepas mendengar taklimat persiapan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi di pulau itu, hari ini.

Sabtu lalu, Pengerusi Mara, Encik Tamrin Ghafar, mengumumkan Ketua Pengarah Mara, Haji Mohd Ridzuan Abdul Halim, ditukarkan ke Pusat Pembangunan Mara yang belum ditubuhkan dan tempatnya diambil alih oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Awam, Dr Mohd Noor Harun.

Bagaimanapun, pertukaran itu dipertikaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Tan Sri Mahmud Taib, kerana ber-

canggih dengan peraturan JPA. Berikutan itu, Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof menyatakan Haji Mohd Ridzuan masih kekal dengan jawatannya sebagai Ketua Pengarah Mara.

Sementara itu, Datuk Dr Yusof, dalam kenyataannya berkata, beliau yakin Majlis Mara yang dipengerusikan oleh Encik Tamrin Ghafar mampu menjalankan tugasnya memajukan agensi itu dari semasa ke semasa.

Bagaimanapun, katanya, beliau juga bersetuju meneliti semula keputusan Majlis Mara berhubung kedudukan Ketua Pengarah Mara, Haji Mohd Ridzuan Abdul Halim, yang diumumkan pertukarannya ke Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Mara.

"Saya bersetuju meneliti lagi perkara ini, khususnya untuk menghilangkan kekeliruan dan salah faham," katanya.

Haji Mohd Ridzuan kekal dengan jawatannya selepas Kementerian Perusahaan Awam mengesahkan beliau tidak pernah dipecat atau dilucutkan jawatan kecuali diberi tanggungjawab tambahan sebagai Ketua Pengarah Mara untuk mengkaji penubuhan Pusat Pembangunan Mara.

Menurut Datuk Dr Yusof, beliau sendiri mengarahkan Mara mengkaji rancangan penubuhan Pusat Pembangunan

Mara serta menyediakan pelan tindakan pelaksanaannya.

"Oleh kerana besarnya tugas ini serta ia perlu disiapkan dalam tempoh masa terhad, saya bersetuju supaya ia dilaksanakan oleh Ketua Pengarah Mara. Dalam tempoh penumpuan kerja ini, tugas Ketua Pengarah hendaklah diserahkan kepada seorang pentadbir kanan Mara.

"Kemudiannya setelah diteliti semula, didapati ia lebih sesuai dijalankan oleh wakil Kementerian dalam Majlis Mara sendiri, iaitu Timbalan Ketua Setiausaha (Kementerian Perusahaan Awam), manakala Ketua Pengarah Mara menjalankan tugas khas yang diberikan kepadanya," ujarnya.

Menurutnya, Majlis Mara yang mengadakan mesyuaratnya mengumumkan keputusan berhubung kedudukan Haji Mohd Ridzuan Sabtu lalu.

Beliau berkata, kenyataan dan dokumen mengenai rancangan penubuhan Pusat Pembangunan Mara yang menjadi isu sekarang mempunyai banyak kesilapan dan tanggapan.

"Oleh itu, perlulah saya tegaskan di sini bahawa ini adalah urusan dalaman sebuah kementerian yang bertanggungjawab kepada peraturan yang ada seperti juga kementerian lain," katanya.